

Ekonomi kukuh kejayaan negara: PM

BH 24 AUG 2002

Oleh Wan Hazmir Bakar dan Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang terus mengukuh di luar jangkaan sepanjang tahun ini sebagai kejayaan negara, bukan kejayaan peribadinya.

Perdana Menteri berkata, selaku Menteri Kewangan, beliau hanyalah sebahagian daripada pasukan yang bertanggungjawab menguruskan soal ekonomi dan kewangan negara.

“Saya tak anggap kemenangan peribadi, ini adalah kemenangan negara. Saya tak ada apa, saya cuma satu daripada pasukan,” katanya selepas merasmikan Perhimpunan dan Simposium Generasi Felda Se-Malaysia di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, di sini hari ini.

Beliau mengulas penguaman Bank Negara Malaysia kelmarin bahawa ne-

gara mencatat pertumbuhan kukuh pada suku kedua tahun ini dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus berkembang 3.8 peratus, selepas meningkat 1.1 peratus pada suku pertama.

Dengan pertumbuhan itu, perkembangan ekonomi negara sepanjang setengah tahun pertama 2002 berada pada paras 2.45 peratus berbanding hanya 1.8 peratus yang dicatatkan pada tempoh sama tahun lalu.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, ketika mengumumkan keputusan itu berkata, permintaan dalam negeri yang teguh dan pemulihan eksport menjadi teras kepada pertumbuhan positif angka KDNK sepanjang suku kedua itu.

Berikutan perkembangan positif itu, kerajaan dijangka mengumumkan

peningkatan unjuran pertumbuhan KDNK negara tahun ini dalam pembentangan Belanjawan 2003 oleh Dr Mahathir, bulan depan.

Kerajaan sebelum ini mengunjurkan KDNK negara berkembang 3.5 peratus bagi seluruh 2002 walaupun beberapa penganalisis dan penyelidik ekonomi antarabangsa mengunjurkan angka itu mampu mencatat sefiingga 4.5 peratus.

Ditanya apakah keputusan itu juga melenyapkan kritikan terhadap beliau, Perdana Menteri berkata kejayaan itu melenyapkan kritikan terhadap negara.

Dr Mahathir sebelum ini dikritik hebat oleh pemimpin serta pakar ekonomi asing berikutan pendekatan luar biasa beliau dalam menangani kegawatan ekonomi negara ketika krisis mata wang yang melanda rantau ini pada 1997.